

## **PENGINTEGRASIAN MODEL 5M (2010) DAN ELEMEN SCAFFOLDING BAGI BIMBINGAN GURU DALAM BAHASA ARAB (LAM) KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD)**

Mohamad Azizi bin Md Mukhtar  
Bahagian Pengajian Islam,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,  
Pulau Pinang, Malaysia

Amani binti Dahaman@Dahlan, Dr.  
Fariah binti Hussain, Dr.  
Abd Aziz bin Hassan@Yahya  
Sazura binti Zakaria  
[azizimukhtar@ipda.edu.my](mailto:azizimukhtar@ipda.edu.my)

Jabatan Bahasa Arab  
IPG Kampus Darulaman, 06000 Jitra  
Kedah, Malaysia

### **Abstrak**

Bimbingan merupakan satu elemen utama dalam pengajaran bahasa Arab. Elemen ini perlu diterapkan dalam pengajaran terutama dalam pengajaran al-Lughah al-Arabiah al-Mua'sirah (LAM), Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) memandangkan kurikulum ini adalah kurikulum yang baharu dilaksanakan di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Tujuan utama kajian ini dijalankan untuk meneroka bentuk pengintegrasian aspek bimbingan guru bahasa Arab berasaskan konsep 5M (2010) dan elemen Scaffolding dalam teori Konstruktivisme bagi Bahasa Arab LAM Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Konsep 5M yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah guru perlu menjiwai sifat atau ciri Mursyid, Murabbi, Muaddib, Muallim dan Mudarris dalam memberi bimbingan dalam pengajaran bahasa Arab. Manakala elemen Scaffolding merujuk kepada bimbingan dan guru atau pihak yang memahami isi kandungan PdP dalam bentuk petunjuk, dorongan, bantuan khususnya dalam penyelesaian masalah. Ia melibatkan Zone of Proximal Development (ZPD). Penganalisan secara analisis kepustakaan berdasarkan model 5M (Ab Halim Tamuri et al. 2008, 2010) dan elemen scaffolding dalam Teori Konstruktivisme – menghasilkan cadangan bentuk bimbingan guru yang menjadi fokus kajian. Kajian ini akhirnya menghasilkan satu kerangka cadangan bimbingan guru bahasa Arab berasaskan pengtegrasian model 5M dan elemen scaffolding dalam pengajaran bahasa Arab.

**Kata kunci :** Model 5M, KBD, LAM, Scaffolding, Bimbingan Guru

### **1.0 PENGENALAN**

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan kurikulum baharu yang dibina secara bersama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan / Yayasan Agama berdasarkan kurikulum agama-arab yang dikenali sebagai

Kurikulum Dini / Azhari yang dilaksanakan di sekolah-sekolah agama di Malaysia termasuk Sekolah Agama Bantuan Kerajaan, Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat (Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Satu penyelarasan bagi tujuan penambahbaikan terhadap kurikulum ini, KPM dengan persetujuan Majlis Raja-Raja dan majoriti Pihak Berkuasa Agama Negeri telah dilakukan dan mengambil keputusan untuk mengangkat kurikulum ini sebagai kurikulum kebangsaan (Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) adalah penggabungan Kurikulum Dini/ Azhari yang telah diselaraskan dengan Kurikulum Kebangsaan sedia ada dalam arus perdana dengan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam semua mata pelajaran KBD dengan satu matlamat untuk menyediakan murid-murid yang seimbang dan cemerlang melalui KBD berasaskan naqli dan 'aqli bagi menyediakan bakal ulama dan agamawan muthaqqaf. (Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

KBD diwujudkan bagi memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam dan bagi merealisasikan hasrat PPPM yang memberi faedah penting kepada aspirasi pendidikan agama Islam negara, murid, guru, sekolah, masyarakat, bangsa, agama dan negara Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015, hal. 3 – 6). Menurut Mohamad Fuad Ishak et.al (2018) KBD ini merupakan kurikulum baharu yang dibina dan sedang dilaksanakan bagi memenuhi hasrat kerajaan bagi melahirkan insan yang seimbang jasmani, rohani, intelek dan sosial. Manakala aspek penilaian terhadap kurikulum ini boleh dilaksanakan sepanjang pembangunan dan ketika pelaksanaan kurikulum sedang berlaku. Ada 5 komponen utama dalam struktur KBD iaitu komponen Usuluddin, al-Syariah, Al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah, Manahij al-Ulum al-Islamiah dan Al-Adab wa al-Balaghah.

## 1.1 PENYATAAN MASALAH

Prestasi murid bergantung dengan corak pengajaran guru. Oleh itu, guru berperanan penting dalam pelaksanaan mana-mana bentuk pentaksiran, sama ada menjalankan tugas, aktiviti, latihan dan ujian binaan guru atau pihak luar (Habibah Mat Rejab, 2016). Guru seterusnya perlu memberi maklum balas segera kepada murid serta perlu memberi bimbingan kepada murid supaya murid dapat melaksanakan tugas dengan tepat.

Seciranya pengajaran guru bertindak sebagai seorang pembimbing terhadap murid, nescaya murid lebih mudah memahami isi kandungan yang dipelajari. Namun masih terdapat dalam kalangan murid yang tidak memahami sepenuhnya tanpa bimbingan daripada guru. Murid tidak dapat memahami dengan jelas terhadap penjelasan guru secara teori bagi bahasa Arab kurikulum Bersepadu Dini tanpa bantuan bimbingan daripada guru (Fariah Hussain 2019; Fariah Hussain et.al 2017) Dapatan kajian lepas juga menyatakan bahawa guru disarankan memberi perhatian kepada keperluan murid yang berbeza dalam kelas untuk menulis karangan bertujuan meningkatkan mutu penulisan karangan dalam kalangan murid (Habibah Mat Rejab 2016). Dapatan kajian lepas membuktikan bimbingan guru di dalam kelas dan di luar kelas memberi impak yang tinggi kepada murid dalam memberi kefahaman yang jelas dan lebih berkesan bagi mata pelajaran bahasa Arab KBD (Fariah Hussain et al. 2019).

Berdasarkan kesediaan murid untuk membuat kerja rumah, dapatan menunjukkan murid yang bukan exam-oriented (13.6%) adalah lebih rendah aras "sangat suka" membuat kerja rumah yang disuruh guru, berbanding dengan murid yang exam-oriented (19.7%). Hal yang demikian menunjukkan bahawa perlunya bimbingan guru terhadap murid bagi meningkatkan aras suka membuat kerja rumah terutama bimbingan guru di luar waktu persekolahan.

Rentetan daripada pernyataan masalah menjadikan sebab utama kajian ini dijalankan bagi meneroka bentuk pengintegrasian aspek bimbingan guru bahasa Arab berasaskan konsep

5M (2010) dan elemen Scaffolding dalam teori Konstruktivisme bagi Bahasa Arab LAM Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

## 1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneroka bentuk pengintegrasian aspek bimbingan guru bahasa Arab berasaskan konsep 5M (2010) dan elemen Scaffolding dalam teori Konstruktivisme bagi Bahasa Arab LAM Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

## 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada objektif kajian, persoalan kajian ini adalah bagaimanakah bentuk pengintegrasian aspek bimbingan guru bahasa Arab berasaskan konsep 5M (2010) dan elemen Scaffolding dalam teori Konstruktivisme bagi Bahasa Arab LAM Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### 2.1 Bimbingan Guru

Guru perlu memberi bimbingan kepada murid sepanjang hayat tanpa mengkritik murid (Moran, Hoy, and K.Hoy 1998). Guru perlu bersedia berkorban membimbing murid selepas sesi persekolahan dan merancang aktiviti tambahan bagi meningkatkan kecemerlangan murid dalam bahasa Arab (Noornajihan Jaafar 2015). Guru yang mengajar di dalam kelas dianggap sebagai pembimbing kepada muridnya kerana guru mengaplikasi konsep bimbingan yang bermaksud suatu proses menolong individu untuk memahami (Kamarudin Husin 1994).

Dalam proses PdP, murid akan menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan, maka gurulah yang akan berperanan sebagai pembimbing bagi membetulkan kesilapan khususnya ketika melaksanakan latihan. Bimbingan yang diberikan oleh guru mempunyai beberapa tujuan tertentu. Antaranya;

- 1) Bimbingan menolong murid mempelajari, memahami pengalaman, nilai, sikap dan perlakuan yang sesuai dengan kehendak mereka.
- 2) Bimbingan adalah untuk mengetahui keperluan murid bagi perkembangan potensi dan kebolehan mereka.
- 3) Bimbingan menolong murid menyedari kekuatan dan kelemahan mereka. Dalam bimbingan, fokus atau tumpuan adalah untuk memperkukuh kekuatan mereka.
- 4) Bimbingan menolong murid supaya berkemampuan membuat penyesuaian dan perubahan tingkah laku yang ada pada mereka.

Guru juga berperanan bukan sahaja sebagai tenaga pengajar tetapi juga memberi tunjuk ajar, mengesan kekuatan dan kelemahan, memberi latihan yang mencukupi, membetulkan kesalahan dan kesilapan murid dengan serta merta dan memberi penghargaan kepada hasil karya yang baik. Di samping itu, guru perlu mengesan murid yang lemah dan menghadapi masalah agar mereka diberi bimbingan dan perhatian dalam mata pelajaran bahasa Arab. Bimbingan boleh diberikan secara individu atau secara kumpulan (Ghazali Darusalam and Sufean Hussin 2016; Kamarudin Husin 1994). Murid memerlukan bimbingan daripada orang lain terutama daripada guru (Zanaton Hj Iksan 2016). Konsep scaffolding yang ditekankan oleh Vygotsky melalui Zon Perkembangan Proksimal (Zone of Proximal Development (ZPD)). Scaffolding ialah bimbingan, sokongan dan bantuan melalui soalan lisan yang diberikan oleh guru.

Berdasarkan dapatan kajian lepas terdapat dua aspek bimbingan guru yang dapat dilaksanakan oleh guru bahasa Arab iaitu bimbingan dalam kelas dan bimbingan di luar kelas (Fariah Hussain et al. 2019). Bimbingan guru di dalam kelas ialah bimbingan secara PnP berjalan secara bersemuka dan bimbingan di luar waktu persekolahan ialah bimbingan yang diberikan oleh secara maya atau mengadakan aktiviti tambahan.

Bimbingan guru diperlukan bagi memberi tunjuk ajar dan penjelasan tentang kesilapan murid ketika menjawab latihan yang diberi atau sekiranya murid kurang memahami isi kandungan bahasa Arab yang dipelajari. Begitu juga berdasarkan kajian lepas menyatakan bahawa murid perlu diberi bimbingan dalam penulisan insya bagi menjadikan karangan murid dapat dibina dengan tepat (Habibah Mat Rejab 2016). Konsep bimbingan merujuk kajian lepas juga ialah maklum balas lisan yang terbahagi kepada pengukuhan, bimbingan implisit dan bimbingan eksplisit. Bimbingan implisit yang dimaksudkan dalam kajian beliau adalah untuk menyatakan cara penambahbaikan manakala bimbingan eksplisit ialah meminta murid membuat pembedaan.

## 2.2 Konsep 5M Dalam Pengajaran Guru Bahasa Arab

Dalam bahasa Arab guru merujuk istilah muddarris, muaddib, murabbi, murshid, dan mucallim (Ghazali Basri 2008; Kamarul Azmi Jasmi 2010). Menurut al-Ghazali, tanggungjawab guru adalah besar dan perlu menjaga adab dan tugas-tugasnya. Tugas pertama guru menunjukkan kasih sayang kepada murid. Kedua menjadi teladan. Ketiga, tidak menyembunyikan ilmu. Keempat, menasihati murid daripada melakukan perkara yang terlarang (Sharhan Syafie 2016).

Perkataan mudarris bermaksud seorang yang bertanggungjawab mengajar murid dengan matlamat menyedia dan mendidik mereka dengan didikan akhlak, budaya dan kemasyarakatan yang baik. Konsep 5M yang telah dipelopori oleh Ab. Halim Tamuri (2016) boleh diperluas dan diterapkan dalam konteks yang berbeza kepada guru bahasa Arab. Konsep ini boleh dikaitkan dengan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), untuk menambah baik sistem pendidikan semasa dan memenuhi konsep Pembelajaran Abad ke-21 (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti 2016).

Manakala konsep 5M yang dimaksudkan ialah guru sebagai murabbi, muaddib, mudarris, mursyid dan mucallim yang telah sinonim dengan guru pendidikan Islam (Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri 2015). Secara spesifik istilah mudarris ialah perkataan yang dikaitkan dengan kata kerja darasa, yadrusu iaitu mengajarkan sesuatu perkara seperti dalam surah al-Qalam:36-37 *أم لكم كتاب فيه تدرسون* . “ adakah kamu mempunyai sebuah kitab (daripada Allah) yang kamu baca dan mempelajarinya? (Abdul Hayei Abdul Sukor 2005 p.93). Dapat disimpulkan bahawa perlunya sebuah kitab sebagai rujukan. Kitab rujukan manusia di dunia ialah al-Quran dan al-Hadis. Manakala rujukan utama guru ialah Dokumen Standard Kurikulum (DSK) dan buku teks panduan guru ketika mengajar dan buku rekod utama guru ialah buku Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Dalam buku ini guru merancang dan menyediakan pelbagai kaedah pengajaran bagi mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik.

*Muaddib* bermaksud guru memberi tunjuk ajar adab terhadap murid dengan membina sifat-sifat terpuji dan tingkah laku murid (Ghazali Basri 2008). Selain itu, membawa maksud mengajar orang lain cara beradab atau melatih dengan sifat beradab. *Murshid* memberi makna orang yang membantu muridnya membezakan antara benar dan yang salah serta membentuk cara hidup yang tinggi dan pegangan hidup yang selari dengan keadaan muridnya, dan keadaan pendidikannya atau memberi petunjuk ke arah kebenaran (Ghazali Basri 2008), manakala istilah *Muallim* merujuk kepada kata kerja *'Allama* seperti surah al-Baqarah (2) ayat 31 :Maksudnya: “dan telah diajarkan-Nya kepada Adam nama-nama semuanya, kemudian Dia kemukakan semua kepada malaikat, lalu Dia berkata, “Beritakanlah kepada-Ku nama-nama itu

semua, jika kamu adalah makhluk-makhluk yang benar". Ayat ini bermaksud, Allah SWT telah memberikan semua ilmu kepada Nabi Adam sesudah dia dijadikan, dan Allah SWT telah mengajar Nabi Adam nama-nama yang dapat dicapai oleh manusia sama ada dengan pancaindera atau pun dengan akal.

Terdapat satu ayat al-Quran yang menerangkan secara tidak langsung tentang keistimewaan bahasa yang hanya dianugerahkan kepada manusia ialah berkenaan dengan konsep penurunan al-Quran yang bersifat azali dan diturunkan dalam bahasa Arab kepada manusia keseluruhannya. Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 3 yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami (Allah) telah menurunkan Kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab supaya kamu menggunakan akal untuk memahaminya." Berdasarkan ayat al-Quran ini dapatlah disimpulkan bahawa Allah SWT telah memulakan tugas pengajaran seperti yang berlaku kepada Nabi Adam. Oleh yang demikian, sebagai hambanya, guru harus mewarisi proses pembelajaran seperti yang dilalui oleh Nabi Adam. Di samping akan menyiapkan diri dengan ilmu bagi memikul tanggungjawabnya sesuai dengan tugasnya sebagai *Mu'allim* yang mempunyai pemikiran yang matang, kreatif dan kritis (Amani Dahaman, 2019).

Penerapan konsep *Mu'allim* merujuk kepada pemindahan dan penerangan ilmu agar murid dapat menguasai isi kandungan nahu dengan fahaman yang mantap menggunakan pelbagai strategi pengajaran. Di samping menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran. Guru juga perlu memahami konsep muaddib semasa berkomunikasi dalam penyampaian ilmu. Contohnya guru bertutur dengan cara yang bersopan semasa meminta murid datang ke hadapan dengan menyebut *تعال هنا يا طالب* atau guru akan menyebut sila pandang ke hadapan *انظر إلى هنا* . Contoh yang lain ialah murid perlu bangun ketika membaca doa sebelum belajar. Guru menerapkan nilai beradab kerana bahasa Arab ialah bahasa al-Quran. Konsep murabbi bermaksud mengulang, iaitu guru akan mengulang-ulang sebut dalam pengajaran nahu. Contohnya jika murid tidak memahami atau menguasai tajuk pelajaran sebelumnya, guru akan mengulangi terlebih dahulu. Contoh lain, guru akan memberi penerangan beberapa kali sehingga murid memahami isi kandungan yang dipelajari.

Menurut Jaafar, N, & Rashed, Z. N. (2015), Guru sebagai *Murabbi* bermaksud guru akan menjadi suri teladan kepada murid di samping mengajarr. Guru juga akan mendidik diri menjadi insan yang beradab. Sebagai suri teladan, guru mestilah mempunyai personaliti yang terpuji atau memiliki sifat-sifat terpuji seperti jujur, ikhlas, kasih sayang dan lain-lain. Sebagai murabbi guru akan mendidik murid berakhlak mulia di samping menyampaikan ilmu dalam pengajaran nahu. Segala tingkah laku yang tidak bersesuaian akan dipantau dan ditegur oleh guru. Contohnya ketika membaca perkataan bahasa Arab dengan sebutan yang salah atau menyebut panjang pendek yang salah, guru akan mendidik dengan penuh kasih sayang, manakala konsep mursyid, iaitu guru akan membimbing murid selain daripada menyampaikan ilmu dalam pengajaran nahu.

Memahami konsep mudarris amat penting kepada seseorang guru bahasa Arab kerana guru bahasa Arab perlu menguasai kaedah pengajaran bahasa Arab dari masa ke semasa. Guru akan sentiasa bersedia dengan arus perubahan kaedah pengajaran dan sentiasa menambah pengetahuan ke arah itu. Terdapat banyak kaedah yang boleh diaplikasikan dalam PdP bahasa Arab. Antaranya ialah kaedah Taqlidiyyah (Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis 2008). Kaedah Taqlidiyyah berkesan bagi kemahiran kefahaman bacaan dan kemahiran menulis tetapi tidak berkesan bagi mengajar kemahiran kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur pada peringkat permulaan dan pertengahan, manakala Kaedah al-Samciyat al-Shafawiyah pula berkesan bagi PdP kefahaman mendengar dan kemahiran bertutur tetapi tidak berkesan bagi kemahiran membaca dan kemahiran menulis pada peringkat permulaan dan pertengahan. Kaedah Eklektik Sistemik pula berkesan bagi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis di peringkat permulaan dan pertengahan (Mohd

Ridhuan Jusoh 2018). Guru dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dengan membudayakan halaqah (Ab. Halim Tamuri 2016) di sekolah.

Oleh yang demikian, efikasi sendiri guru dalam pengajaran nahu dapat dikaitkan dengan konsep 5M. Guru yang hebat dan berkualiti akan menyiapkan dirinya ke arah meningkatkan efikasi sendiri guru serta memahami konsep 5M dengan baik dan mengamalkan konsep ini dalam pengajaran nahu. Guru juga yakin dan percaya bahawa segala amalan yang baik akan diberikan ganjaran yang baik oleh Allah SWT dengan menghadirkan niat ikhlas kepada Allah. Amalan pengajaran tergolong dalam ibadah sekiranya konsep 5M ditanamkan dalam diri dan diamalkan oleh semua insan bergelar guru.

### 2.3 Elemen Scaffolding Dalam Teori Konstruktivisme

Scaffolding dalam Teori konstruktivisme dipelopori oleh Vygotsky, seorang ahli psikologi dari Rusia, Elemen Scaffolding merupakan salah satu konsep dasar dalam Teori konstruktivisme.

Menurut Vygotsky, perkembangan seseorang dapat dibezakan kedalam dua peringkat, peringkat perkembangan aktual dan peringkat perkembangan potensial. Peringkat kemampuan intelektual jelas pada kemampuan menyelesaikan tugas secara sendiri dan peringkat perkembangan potensial jelas dari kemampuan menyelesaikan masalah ketika dibimbing oleh guru. Dalam sistem pendidikan, elemen scaffolding mencakupi aspek model, petunjuk, cara aplikasi, prosedur dan pendetailan.

Elemen scaffolding dalam Teori Konstruktivisme memberikan bantuan kepada pelajar pada awal pembelajaran untuk mencapai pemahaman dan keterampilan dan secara perlahan-lahan bantuan tersebut dikurangkan sampai akhirnya pelajar dapat belajar secara sendiri (Suci Yulia Riska, 2018).

Dalam pembelajaran, elemen scaffolding dapat dikatakan sebagai penghubung yang digunakan untuk menghubungkan apa yang sudah diketahui pelajar dengan sesuatu yang baru. Perkara yang utama dalam penerapan elemen scaffolding terletak pada bimbingan guru. Bimbingan guru diberikan secara bertahap setelah pelajar diberi permasalahan, sehingga kemampuan aktualnya mencapai kemampuan potensial. Bantuan tersebut dapat berupa bimbingan, petunjuk, dorongan, peringatan dan cara penyelesaian masalah. (Chairani, Zahra. 2015). Aspek-aspek scaffolding (Amani Dahaman, 2014) adalah sebagai berikut:

- a) Intentionaliti ; Aspek ini bertujuan terhadap aktiviti pembelajaran dalam bentuk bantuan dan bimbingan yang selalu diberikan kepada pelajar terpilih yang memerlukan.
- b) Kesesuaian; pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sendiri permasalahan yang dihadapinya, maka guru memberikan bantuan cara penyelesaiannya.
- c) Struktur; Bentuk bimbingan yang diberikan secara berstruktur dan sistematik.
- d) Kolaborasi; Guru menciptakan kerjasama dengan pelajar dan menghargai setiap perkembangan pelajar. Peranan guru sebagai kolaborator bukan sebagai penilai.
- e) Internalisasi; Eksternal scaffolding secara berangsur-ansur ditarik sesuai dengan pola internalisasi pelajar.

Jadi dapat disimpulkan bahwa elemen pembelajaran scaffolding merupakan sebuah elemen pembelajaran dimana seorang guru memberikan bimbingan sesuai dengan perkembangan dan tahap pelajar dan guru membantu pelajar untuk capai tahap pembelajaran secara sendiri.

Elemen scaffolding mampu membantu pelajar mengkontruksi sendiri pengetahuannya sehingga proses yang dialami pelajar selama pembelajaran akan lebih bermakna, sehingga mampu meningkatkan kemampuan pelajar dalam menyelesaikan berbagai permasalahan yang dihadapi dalam pembelajaran.

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan kaedah penyelidikan kualitatif iaitu penganalisan secara analisis kepustakaan. Kajian ini menggunakan penganalisan secara analisis kepustakaan dengan meneliti kesamaan sinonim dan penghuraian jelas berkaitan bimbingan guru bahasa arab berasaskan Model 5M (Ab Halim Tamuri et al., 2010) dan elemen *scaffolding* dalam Teori Konstruktivisme dalam Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mua'sirah (LAM) Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).

Kaedah Penganalisan Kepustakaan secara analisis dokumen. Kaedah ini digunakan untuk menjawab objektif berdasarkan kerangka konseptual kajian. Penganalisan secara analisis kepustakaan berdasarkan model 5M (Ab Halim Tamuri et al., 2010) dan elemen *scaffolding* dalam Teori Konstruktivisme menghasilkan kerangka konsep bimbingan guru yang menjadi fokus kajian.

### 4.0 DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Kerangka Konsep Cadangan Bimbingan Guru

Rajah 1 menunjukkan kerangka cadangan bimbingan guru bahasa arab berasaskan Model 5M dalam Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mua'sirah (LAM) Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Ia melibatkan elemen Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) menjadi asas kepada kerangka cadangan dalam kajian ini. Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) menjadi dasar/asas.

Kedudukan model 5M (Ab Halim Tamuri et al., 2010) dan elemen *scaffolding* dalam Teori Konstruktivisme selari dan saling bergantung antara satu sama lain yang menjadi fokus bimbingan guru dalam kajian ini. Model 5M (Ab Halim Tamuri et al., 2010) merujuk kepada *Murabbi*, *Muaddib*, *Mu'allim*, *Mudarris* dan *Musyid* ialah membangunkan syahsiah dan peribadi pelajar melalui bimbingan guru.

Elemen *Scaffolding* dalam Teori Konstruktivisme. *Scaffolding* merujuk kepada bimbingan dan guru atau pihak yang memahami isi kandungan PdP dalam bentuk petunjuk, dorongan, bantuan khususnya dalam penyelesaian masalah. Ia melibatkan *Zone of Proximal Development (ZPD)*. Menurut Vygotsky dalam Teori Konstruktivisme – perkembangan pelajar dibezakan 2 level iaitu tingkat perkembangan potensial. (pelajar x mampu belajar sendiri) dan tingkat perkembangan actual (pelajar yg belajar sendiri). Bulatan yang berada di bawah sekali merujuk kepada dapatan bagi bentuk amalan bimbingan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab (LAM) Kurikulum Bersepadu Dini (KBD).



Rajah 4.1 : Kerangka cadangan bimbingan guru bahasa arab berasaskan Model 5M

#### 4.2 Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah (LAM)

Jadual 4.2.1 KBD Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah (LAM)

Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) Al-Lughah al-‘Arabiah al-Mu‘asirah (LAM)	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Mengetahui komponen kurikulum LAM	61	2.00	5.00	3.79	.98
Memahami semua Kurikulum LAM	61	2.00	5.00	3.75	.99
melaksanakan semua Kurikulum LAM	61	2.00	5.00	3.60	.98
sentiasa merujuk kepada Kurikulum LAM	61	1.00	5.00	3.93	.96
PdP dilaksanakan mencapai objektif Kurikulum LAM	61	1.00	5.00	3.72	.96
Valid N (listwise)	61				

Dapatan kajian dalam Jadual 1.1 menunjukkan min bagi keseluruhan item dalam dimensi ‘LAM bagi Kurikulum Bersepadu Dini’ adalah tinggi. Item ‘sentiasa merujuk kepada Kurikulum LAM’ berada pada nilai min paling tinggi (min=3.93, S.P. = .96), diikuti item ‘Mengetahui komponen kurikulum LAM’ (min = 3.79, S.P. = .98) dan item ‘Memahami semua Kurikulum LAM’ (min = 3.75, S.P. = .99). Nilai min yang paling rendah adalah item ‘melaksanakan semua Kurikulum LAM’ (min = 3.60, S.P. = .98). Ini merumuskan bahawa analisis menunjukkan guru KBD LAM perlu memantapkan kurikulum KBD LAM dalam aspek pelaksanaan dalam pdp.

#### 4.3 Elemen utama bentuk bimbingan guru dalam pengajaran dan pembelajaran

Jadual 4.3.1 Bimbingan Guru

Elemen utama bentuk bimbingan guru dalam pengajaran dan pembelajaran LAM	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Memberi bimbingan kepada murid semasa mengajar	61	2.00	5.00	3.97	.93
untuk menyampaikan kefahaman dan kemahiran	61	2.00	5.00	3.88	.98
Sebahagian proses pendidikan yang berterusan, tersusun dan sistematik.	61	2.00	5.00	4.06	.91
Secara langsung di dalam dan di luar kelas secara berjadual	61	2.00	5.00	3.64	.91
Dapat membezakan tahap perkembangan murid	61	2.00	5.00	3.87	.90
Valid N (listwise)	61				

Dapatan kajian dalam Jadual 1.2 menunjukkan min bagi majoriti item dalam dimensi ‘Bimbingan Guru’ adalah tinggi dan hanya satu item mencapai nilai min sangat tinggi. Item ‘Sebahagian proses pendidikan yang berterusan, tersusun dan sistematik’ berada pada nilai min paling tinggi (min=4.06, S.P. = .91) menjelaskan bahawa responden bersepatat mempersetujui bahawa bimbingan guru merupakan sebahagian proses pendidikan yang berterusan, tersusun dan sistematik. Seterusnya, nilai min tinggi adalah item ‘Memberi bimbingan kepada murid semasa mengajar’ (min = 3.97, S.P. = .93), diikuti item ‘untuk menyampaikan kefahaman dan kemahiran’ (min = 3.88, S.P. = .98). Nilai min yang paling rendah adalah item ‘Secara langsung di dalam dan di luar kelas secara berjadual’ (min = 3.64, S.P. = .91). Ini merumuskan bahawa



analisis menunjukkan guru KBD LAM memahami bimbingan guru adalah sebahagian proses pendidikan yang berterusan, tersusun dan sistematik. Dan, bimbingan guru secara langsung di dalam dan di luar kelas secara berjadual perlu dimantapkan.

## 5.0 PENUTUP

Kajian ini merupakan kajian rintis dalam penelitian aspek bimbingan guru Bahasa Arab LAM dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Ia memfokuskan kepada bimbingan guru yang lebih menyeluruh bukan sahaja melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran tetapi digabungkan dengan pembentukan syahsiah dan peribadi pelajar. Dapatan Analisis Kepustakaan menunjukkan elemen 5M dalam Model 5M (AB Halim Tamuri) dapat mewujudkan satu kerangka cadangan pengintegrasian dengan elemen scaffolding dalam teori Konstruktivisme yang sering menjadi asas kepada kajian bimbingan guru. Elemen-elemen utama dalam Model 5M iaitu *Murabbi*, *Muaddib*, *Mu'allim*, *Mudarris* dan *Musyid* menepati Falsafah Pendidikan Islam dan akan dapat diterjemahkan dalam satu pengintegrasian bimbingan guru yang menyeluruh. Dapatan kajian secara kualitatif melibatkan analisis kepustakaan menunjukkan terdapat titik tengah yang boleh dijalinkan atau diintegrasikan dalam bimbingan guru menjadi satu kerangka cadangan yang perlu direalisasikan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

## 6.0 RUJUKAN

- Ab. Halim, T., Mohd Izham, H., Khadijah, A. R., & Mohd Aderi, C. N. (2010). Kajian tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian pelajaran Malaysia
- Ab. Halim, T., Mohd Izham, H., Khadijah, A. R., & Mohd Aderi, C. N. (2016). Persepsi Murid-Murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam Di Malaysia. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas Vol. 3, No.2-1 (Jun 2016) 18 – 40
- Amani Dahaman@Dahlan (2014), Pembangunan Modul m-Pembelajaran Bahasa Arab di IPG , Universiti Malaya
- Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini (Pelaksanaan Tahun 2015). t.tp:t.pt.
- Chairani, Zahra. 2015. *Scaffolding* Dalam Pembelajaran Matematika, ISSN 2442- 3041 Math Didactic: *Jurnal Pendidikan Matematika* Vol. 1, No.1, Januari - April 2015 © STKIP PGRI Banjarmasin,
- Fariah Husin, Nik Rahimi Nik Yusuf, Maimun Aqsa Lubis dan Rozaini Tukimin. 2018. Efikasi Kendiri Guru Nahu Daripada Aspek Strategi Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini. *Jurnal Akademik IPG Kampus Perempuan Melayu Jilid 22*, 2018. Hal 19-27.
- Fariah Husin, Nik Rahimi Nik Yusuf. 2017. Dimensi Penglibatan Murid Efikasi Kendiri Guru Nahu Kurikulum Bersepadu Dini. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Khas dan Pemulihan 2017*. Hal 45-52.
- Fariah Hussain, Nik Mohd rahimi Nik Yusoff & Maimun Aqsa Lubis. 2017. Bimbingan Akademik dan Sahsiah Efikasi Kendiri Guru Nahu Bahasa Arab Kurikulum Dini. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2017 (SEBAR 2017): Isu Dan Cabaran*, hlm. 79. Kelantan: Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS).
- Fariah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsa Lubis & Rosni Samah. 2019. *The Practice of Giving Guidance in the Context of Teacher Efficacy in Teaching of Grammar in Integrated Dini Curriculum ( IDC ) in Religious Schools The Practice of*

- Giving Guidance in the Context of Teacher Efficacy in Teaching of Grammar in Integrated Di. *International Journal Of Academic Research in Business & Social Sciences* 9(1): 1427–1433.
- Fariyah Hussain. 2019. Efikasi Kendiri Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. t.tp: Universiti Malaya.
- Habibah Mat Rejab. 2016. *Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*. Universiti Malaya
- Jaafar, N, & Rashed, Z. N. (2015). Model Kualiti Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 1(1), 101–108.
- Jasmi K. A. & Tamuri A. H. (2015). *Membudayakan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam yang Cemerlang. Pemeraksanaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*. Bangi, Selangor:
- Kamarudin Husin. 1994. *Dinamika Sekolah Dan Bilik Darjah*. Serdang Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Moran, M.T., Hoy, A.W. & K.Hoy, W. 1998. Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Overview of Educational Research* 68(2): 202–248.
- Noornajihan Jaafar. 2015. *Pengaruh Efikasi Kendiri dan Faktor Persekitaran Terhadap Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Silverman, D. 2013. *Doing Qualitative Research: A Practical Handbook*. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Suci Yulia Riska, (2018) *Pengaruh Penerapan Model Pembelajaran Scaffolding Terhadap Kemampuan Pemecahan Masalah Matematis Ditinjau Dari Motivasi Belajar Siswa Sekolah Menengah Pertama Kampar*. Skripsi thesis, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau.